1. Untuk memberi nasihat kepada Kerajaan mengenai perkara-perkara yang berkepentingan nasional
2. Untuk merangsang budaya kecemerlangan dalam bidang sains, kejuruteraan dan teknologi di Malaysia
3. Untuk membantu meningkatkan keupayaan industri di Malaysia dalam bidang teknologi
4. Untuk menggalakkan kesedaran umum tentang kepentingan sains, kejuruteraan dan teknologi dalam kehidupan seharian
5. Untuk menggalakkan dan mengkordinasikan Kerjasama dan Usahasama Antarabangsa dalam bidang penyelidikan.

Within the framework of the Academy's given mission, it organized its activities based on the following thrust areas :

1. To provide advice to Government on matters related to science, engineering and technology which are of national importance
2. To foster a Culture of Excellence in the SET community in Malaysia
3. To assist in upgrading the technological capability and competency of Malaysian industries
4. To promote public awareness on the importance of SET in everyday life
5. To facilitate and coordinate International Collaboration and Cooperation in research.

Nasihat kepada Kerajaan

Advice to the Government

Salah satu daripada peranan penting Akademi adalah memberi nasihat kepada Kerajaan mengenai perkara yang berkaitan dengan bidang sains, kejuruteraan dan teknologi. Pada tahun 2000, Akademi telah menjalankan aktiviti berikut:

One of the main roles of the Academy is to advise the Government on matters related to science, engineering and technology which are of national importance from time to time. In 2000, the Academy has carried out the following tasks :

Kajian Semula Polisi Sains dan Teknologi Kebangsaan

Kajian Semula Polisi Sains dan Teknologi Kebangsaan telah pun disempurnakan. Konsultan yang dilantik untuk melaksanakan sembilan komponen kajian telah pun memajukan laporan mereka kepada Akademi pada awal bulan Februari 2000. Akademi menganjurkan Mesyuart selama tiga hari di Awana Genting Resort pada 25-27 Februari 2000 dengan tujuan untuk melaraskan input kedalam laporan. Mesyuarat tersebut dipengerusikan oleh Dato' Dr Yusof Basiron FASc dengan sokongan para konsultan, pegawai-pegawai dari MOSTE dan Fellow Akademi.

Laporan tersebut telah dibentangkan di Seminar Kebangsaan pada 9 Mac 2000 di Park Plaza Hotel Kuala Lumpur. Seramai lebihkurang 70 peserta yang mewakili pelbagai institusi dan organisasi menghadiri seminar tersebut untuk memberi maklum balas dan pandangan mengenai laporan. Satu lagi seminar dianjurkan di Akademi Sains Malaysia pada 11-12 April 2000 dengan tujuan untuk menyelaraskan laporan tersebut kepada perspektif antarabangsa masakini. Dato' Dr Micheala Smith dan Prof Noel dari CPTM (Commenwealth Partnership for Technology Management) serta Duta Malawi ke Taiwan hadir disesi perbincangan. Perbincangan diketuai oleh Academician Tan Sri Datuk Dr Omar Abdul Rahman FASc, Presiden Akademi Sains Malaysia.

Review of the National Science and Technology Policy

The review of the National Science and Technology Policy has been completed. The Consultants appointed to undertake the nine individual component studies submitted their reports to the Academy in early February 2000. In an effort to integrate their inputs into the report, the Academy organized a 3-day retreat from 25th-27th February 2000 at Awana Genting Resorts. The meetings were led by Dato' Dr Yusof Basiron FASc with the support of the Consultants, Officers from MOSTE and several Fellows of the Academy.

The report was presented at a National Seminar on March 9th, 2000 at Park Plaza Hotel, Kuala Lumpur. About 70 participants representing various institutions and organizations were present to provide feedback and comments on the report. In order to further realign the report to the prevailing international perspectives, another seminar was organized on 11th-12th April 2000 at the Academy of Sciences Malaysia. Dato' Dr Micheala Smith and Prof Noel from CPTM (Commenwealth Partnership for Technology Management) along with Malawi Ambassador to Taiwan were present at the discussion. The discussion was led by Academician Tan Sri Datuk Dr Omar Abdul Rahman FASc, President of the Academy of Sciences Malaysia.

Laporan tersebut telah dimajukan kepada Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar pada 17 April 2000. Satu taklimat khas telah diatur dengan YB Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar pada 10 Mei 2000 di pejabat beliau. Dato' Dr Yusof Basiron FASc selaku ketua projek Kajian Semula Polisi S&T telah memberi taklimat kepada YB Menteri. Presiden dan Naib Presiden turut hadir di sesi taklimat tersebut.

Laporan dimajukan kepada Majlis Penyelidikan dan Kemajuan Sains Negara (MPKSN) untuk pandangan dan input setelah melalui beberapa mesyuarat Jawatankuasa Teknikal dan Pemandu. Dato' Dr Yusof Basiron FASc memberi taklimat kepada MPKSN mengenai laporan pada 7 Ogos 2000.

Mesyuarat dengan YB Menteri Pertanian Malaysia

Di atas permintaan YB Datuk Effendi Norwawi, Menteri Pertanian dan sebagai sebahagian dari sesi dialog di antara Akademi Sains Malaysia dan Menteri Pertanian, Academician Dato' Ir Lee Yee Cheong FASc, Datuk Dr Abdul Aziz S.A Kadir FASc, Tan Sri Dato' Dr Mustaffa Babjee FASc dan Dato Dr Samsudin Tugiman telah mengadakan pertemuan dengan YB Menteri Pertanian pada 11 Oktober 2000. Mesyuarat tersebut adalah untuk membincangkan mengenai agro-bioteknologi sebagai pemangkin pertumbuhan sektor pertanian negara. Mesyuarat yang dipengerusikan

A report was finally submitted to the Ministry of Science, Technology (MOSTE) and the Environment on 17th April 2000. A special briefing was also arranged with YB Minister of Science, Technology and the Environment on 10th May 2000 at his office. Dato' Dr Yusof Basiron FASc briefed the Minister in his capacity as the project leader of the S&T Policy review. The President and the Vice-President of the Academy were also present during the briefing session.

Subsequently, after going through the various Technical and Steering Committee meetings, the report was submitted to MPKSN (Majlis Penyelidikan dan Kemajuan Sains Negara) for comments and additional input. Dato' Dr Yusof Basiron FASc briefed MPKSN on the report on August 7th, 2000.

Meeting with YB Minister of Agriculture

At the request of YB Datuk Effendi Norwawi, Minister of Agriculture and as part of the continuing dialogue between the Academy and the Ministry of Agriculture, Academician Dato' Ir Lee Yee Cheong FASc, Datuk Dr Abdul Aziz S.A Kadir FASc, Tan Sri Dato' Dr Mustaffa Babjee FASc and Dato Dr Samsudin Tugiman met with the Minister of Agriculture on 11 October 2000. The meeting was to discuss the subject of agro-biotechnology, the way forward in enhancing the growth of the agriculture sector. The meeting

oleh YB Menteri itu juga dihadiri oleh Dr Saharan Anang, Ketua Pengarah MARDI, Dr Mohd Zam Zam, Timbalan Ketua Pengarah MARDI dan Prof Dr Abdul Aziz Abdul Hamid. Semasa perbincangan YB Menteri melahirkan pandangan beliau mengenai perlunya untuk mengambil pendekatan menyeluruh bagi menghasilkan satu strategi bioteknologi negara. YB Menteri mengharap penglibatan Akademi dalam perkara ini. Akademi juga telah dipinta oleh YB Menteri Pertanian untuk membantu menyediakan satu strategi nasional mengenai 'agroforestry'. Akademi sedang bekerjasama dengan MARDI untuk menganjurkan satu bengkel mengenai 'agroforestry' dan untuk menggubal strategi awal tahun hadapan.

Bengkel "Agro-Forestry"

Lanjutan dari surat yang dihantar kepada Dato' Dr Salleh Mohd Nor FASc Setiausaha Agung Akademi pada bulan Jun 2000 dan mesyuarat serta perbincangan yang diadakan di antara Fellow Akademi dan YB Menteri Pertanian, telah dipersetujui satu Bengkel mengenai "Agro-Forestry" dianjurkan pada tahun 2001.

Bengkel ini akan dianjurkan bersama oleh Akademi Sains Malaysia dan MARDI dengan tajaan oleh Kementerian Pertanian. Bengkel ini dijangka akan menghasilkan satu rangka bersepadu mengenai Agro-forestry dan satu plan tindakan.

which was chaired by the YB Minister was also attended by Dr Saharan Anang, Director General of MARDI, Dr Mohd Zam Zam, Deputy Director General of MARDI and Prof Dr Abdul Aziz Abdul Hamid. During the discussion the Minister expressed his view on the need to take overall approach towards coming up with a national biotechnology strategy. The Minister looks forward to Academy's involvement in this area. The Academy was also requested by the Minister of Agriculture to assist in the development of national strategy on agroforestry. The Academy is collaborating with MARDI to hold a national workshop on agroforestry and to prepare the national strategy early next year.

A Workshop on "Agro-Forestry"

Following a letter from YB Minister of Agriculture to Dato' Dr Salleh Mohd Nor FASc, the Secretary General of the Academy in June 2000 and subsequent meetings between officials from the Academy and the Minister of Agriculture, it was agreed that a workshop on "Agro-Forestry" be organized in 2001.

The workshop will be co-organized by the Academy of Sciences Malaysia and MARDI with sponsorship of the Ministry of Agriculture. The workshop is expected to generate a framework for a coordinated national agro-forestry program and a plan of action.

National Technology Mapping Project II

Perkhidmatan Rundingan Industri Sdn Bhd (PRIMA) anak syarikat Malaysian Industry-Government Group for High Technology (MIGHT) telah diberi tugas oleh Kerajaan untuk melaksanakan National Technology Mapping Project II (NTMP II). NTMP II adalah satu proses yang mengenal-pasti kepentingan keupayaan untuk membangunkan dan menghasilkan produk dan perkhidmatan bagi pasaran global. Peta ini akan membantu bagi memberi fokus kepada usaha negara kearah penghasilan teknologi dan keupayaan yang betul. Objetif NTMP II adalah untuk:

- Menghasilkan satu peta yang menunjukkan produk dan perkhidmatan rantaian teknologi dalam sektor strategic
- Mengenalpasti tren dalam bidang teknologi, persekitaran perniagaan, keperluan pengguna dan keupayaan akan datang bagi meningkatkan daya saing dalam pasaran global
- 'benchmark' dan mengaudit keupayaan asas yang kritikal; dan
- Menghasilkan satu pelan tindakan untuk mengurangkan jurang di antara keperluan akan datang dan keupayaan sekarang

Akademi Sains Malaysia telah dilantik untuk menganggotai Lembaga Penasihat NTPM II yang merangkumi tiga sektor iaitu industri makanan, perkayuan dan mesin.

National Technology Mapping Project II

Perkhidmatan Rundingan Industri Sdn Bhd (PRIMA), a subsidiary of Malaysian Industry-Government Group for High Technology (MIGHT) has been given the task by the Government to undertake the National Technology Mapping Project II (NTMP II). The NTMP II is a process which identifies competency priorities to develop and produce products and services for global market. The map would assist in focusing national effort in developing the right technology and competency. The objectives of NTMP II are:

- To develop a map which shows the technology chain products and services in strategic sectors;
- To identify trends in technology, business environments, customer requirements and future competencies for competitiveness in the global market;
- To benchmark and audit critical core competencies; and
- To develop a national plan of action to narrow the gaps between future needs and current capabilities

The Academy has been appointed to be on the Advisory Board to the NTMP II which covers three sectors namely food industry, wood industry and machinery.

Laporan 'Enhancing Malaysia's Agric-Food Development Through Science and Technology'

Akademi Sains Malaysia yang diketuai oleh Academician Dato' Ir Lee Yee Cheong FASc, Naib Presiden Akademi Sains Malaysia telah memajukan laporan "Enhancing Malaysia's Agric-Food Development thorugh Science and Technology" kepada Menteri Pertanian, YB Dato' Mohd Effendi Norwawi di pejabat beliau pada 1 Jun 2000. Laporan tersebut merupakan hasil seminar yang dianjurkan oleh Akademi mengenai "Future Directions and Business Opportunities in Food Production" dari 15-16 November 1999. Dato' Dr Abdul Aziz S.A. Kadir FASc, Ahli Majlis Akademi dan juga Pengerusi Jawatankuasa Pertanian Akademi memberi taklimat kepada YB Menteri mengenai laporan tersebut. YB Menteri bersetuju untuk mengkaji laporan tersebut dan cadangan-cadangan yang diperakukan dan untuk Kementerian mengambil tindakan susulan yang perlu.

Report on Enhancing Malaysia's Agric-Food Development Through Science and Technology

The Academy of Sciences Malaysia led by Academician Dato' Ir Lee Yee Cheong FASc, Vice President of the Academy of Sciences Malaysia presented a report on "Enhancing Malaysia's Agric-Food Development thorugh Science and Technology" to the Minister of Agriculture, YB Dato' Mohd Effendi Norwawi at his office on 1st June 2000. The report was an outcome of a seminar organized by the Academy on "Future Directions and Business Opportunities in Food Production" from 15th-16th November 1999. Dato' Dr Abdul Aziz S.A. Kadir FASc, Council Member of the Academy cum Chairman of the Academy's Agriculture Committee briefed the Minister on the report. The Minister agreed to study the report and the recommendations and for the Ministry to take the necessary follow-up actions.



Dato' Dr Abdul Aziz S.A. Kadir FASc memberi taklimat mengenai laporan Akademi kepada Menteri Pertanian

Dato' Dr Abdul Aziz S.A. Kadir FASc briefing the Minister of Agriculture on the Academy's report

Program Kecemerlangan Sains

Science Excellence Programme

Objektif Program Kecemerlangan Sains adalah untuk menanam Budaya Cemerlang di dalam bidang sains, kejuruteraan dan teknologi di Malaysia. Adalah penting bagi negara kita menghasilkan saintis dan ahli teknologi generasi baru yang diharapkan dapat menerajui kemajuan penyelidikan, pembangunan dan inovasi. Tahun 2000 menyaksikan banyak aktiviti yang menarik dianjurkan oleh Akademi dibawah program ini.

The objective of the Science Excellence Programme is to inculcate a Culture of Excellence in the fields of science, engineering, and technology in Malaysia. It is important for our country to produce a next generation of scientists and engineers on whom the nation will depend for major advances in research, development and innovation. The year 2000 saw many interesting activities being carried out by the Academy under this programme.

National Roundtable Conference on Emerging Issues on Sustainable Development - Challenges for Malaysia in the First Decade of the New Millennium

Akademi Sains Malaysia dan United Nations Development Programme (UNDP) telah menganjurkan satu Persidangan Mejabulat Kebangsaan mengenai 'Emerging Issues on Sustainable Development – Challenges for Malaysia in the First Decade of the New Millennium' pada 24-25 Januaru di Cyberview Lodge, Cyberjaya. Seramai 103 peserta dari kementerian, dan jabatan kerajaan, universiti, badan bukan kerajaan, organisasi antarabangsa dan multilateral, industri dan individu telah menghadiri persidangan mejabulat tersebut. Salah satu objektif persidangan adalah untuk menilai tren perubahan konsep alam sekitar serta implikasinya kepada pengurusan dan pembanguan alam sekitar Malaysia di masa akan datang. Akademi Sains Malaysia akan mengambil inisiatif untuk mempromosikan pembangunan lestari dengan menggalakkan dialog Perkongsian Pintar dikalangan 'stakeholders' dengan organisasi yang berminat di Malaysia. Akademi akan bekerjasama dengan organisasi dan agensi yang relevan untuk merangka program kerja bagi mencapai matlamat pembangunan lestari. Satu Jawatankuasa bersama akan ditubuhkan untuk mengenalpasti sumber dan punca yang penting untuk memastikan kejayaan usaha yang dicadangkan ini.

National Roundtable Conference on Emerging Issues on Sustainable Development - Challenges for Malaysia in the First Decade of the New Millennium

The Academy of Sciences Malaysia together with United Nations Development Programme (UNDP) jointly organized a National Roundtable Conference on "Emerging Issues On Sustainable Development – Challenges For Malaysia in the First Decade of the New Millennium" from 24th-25th January at Cyberview Lodge, Cyberjaya. A total of 103 participants attended the Roundtable representing the various stakeholders including the government ministries and departments, universities, NGOs, international organization, multilateral organizations, industries and individuals. One of the objectives of the Roundtable was to review the trends in changing environmental concepts over the years, as well as their possible implications for Malaysia's future management of the environment and development. The Academy of Sciences Malaysia will spearhead initiatives to promote sustainable development by facilitating Smart Partnership dialogues among stakeholders and the various interested organizations in Malaysia. The Academy will cooperate with relevant organizations and agencies to develop a work programme for achieving the goals of sustainable development. A joint working committee will be formed to identify potential sources and resources vital for the success of this proposed endeavor.

POLMET 2000: Sustainable Urban Development in the New Millennium

Satu Persidangan Antarabangsa mengenai pencemaran di bandar-bandar metropolitan yang keenam – Polmet 2000: Sustainable Urban Development in the New Millenium telah diadakan pada 20-23 Mac 2000 di Kuala Lumpur. Persidangan in dianjurkan bersama oleh Akademi dan ENSEARCH. Perdana Menteri Malaysia, YAB Dato' Seri Dr Mahathir Mohamed merasmikan persidangan selama empat hari ini. Seramai lebih kurang 148 pakar-pakar termasuk 48 orang dari 11 negara luar menghadiri persidangan ini. Lima puluh tujuh kertas polisi dan teknikal dibentangkan untuk perbincangan dan pertimbangan. Mengambil iktibar daripada Ucapan Perasmian oleh Perdana Menteri, persidangan ini menekankan tentang kepentingan adanya satu landasan bagi perbincangan terbuka yang berterusan mengenai pelbagai topik penting mengenai pembangunan bandar yang lestari di kalangan pelbagai 'stakeholders' di dalam semangat bertolak ansur, percaya dan telus. Ini menggambarkan pengabdian semangat perkongsian pintar yang didokong oleh Malaysia.

POLMET 2000:Sustainable Urban Development in the New Millennium

The 6th Internatioal Conference on Pollution in Metropolitan Cities (POLMET) 2000 was held from 20th-23rd March 2000 at Kuala Lumpur. The Academy co-organized the Conference with ENSEARCH. The Prime Minister of Malaysia, YAB Dato' Seri Dr Mahathir Mohamed officiated the 4-day Conference. A total of 148 urban experts and practitioners including 48 foreigners from 11 countries attended the Conference. Fifty seven policy and technical papers were presented for discussion and deliberations. Taking the cue from the Prime Minister's Opening Speech, the Conference amplified the importance of having a platform for a continuous open discussion on various topics of critical importance for sustainable urban development among various stakeholders in the spirit of tolerance, trust and transparency. This reflected an internalization of the spirit of smart partnership that Malaysia has been promoting.

Syarahan Memorial Ke Tiga dan Penganugerahan Geran Penyelidikan Perubatan Dr Ranjeet Bhagwan Singh Tahun 2000

Ini adalah acara tahunan di bawah Program Tabung Amanah Penyelidikan Perubatan Dr Ranjeet Bhagwan Singh. Ia diadakan di Pusat Sains Negara pada 7 Julai 2000. YB Dato' Hj Zainal Dahalan, Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar merasmikan upacara tersebut.

Jawatankuasa Pemilihan Tabung Amanah Penyelidikan Dr Ranjeet Bhagwan Singh yang dipengerusikan oleh Dr Mak Joon Wah FASc telah memilih 3 daripada 19 pemohon untuk dianugerahkan dengan Geran Penyelidikan Perubatan Tahun 2000. Dr Rosdan Salim dari Universiti Kebangsaan Malaysia menerima RM7,000, Dr Norfilza Mokhtar dari Universiti Kebangsaan Malaysia menerima RM20,000 dan Dr Go Eng Soon dari Universiti Sains Malaysia menerima RM20,000. YB Datuk Hj Zainal Hj Dahalan menyampaikan geran kepada pemenang.

Dr Ranjeet Bhagwan Singh 3rd Memorial Lecture and Presentation of Medical Research Grants 2000

This is a yearly programme under the Dr Ranjeet Bhagwan Singh Medical Trust Fund Programme. The ceremony was held at Pusat Sains Negara on 7th July 2000. YB Dato' Hj Zainal Hj Dahalan, Deputy Minister of Science, Technology and the Environment officiated the event.

The Dr Ranjeet Bhagwan Singh Research Grant Selection Committee chaired by Prof Dr Mak Joon Wah FASc, selected three persons out of 19 applicants to be awarded the Dr Ranjeet Bhagwan Singh Medical Research Grant for the year 2000. Dr Rosdan Salim from the University of Science Malaysia received RM7000.00, Dr Norfilza Mokhtar from Universiti Kebangsaan Malaysia received RM20,000 and Dr Go Eng Soon from the University of Science Malaysia received RM20,000. YB Datuk Hj Zainal Hj Dahalan presented the grants to the winners.



YB Dato' Hj Zainal Hj. Dahalan presenting the research grant to the winner
YB Dato' Hj Zainal Dahalan menyampaikan geran penyelidikan kepada pemenang

Di bawah Program Syarahan Memorial Dr Ranjeet Bhagwan Singh Akademi telah menjemput seorang saintis terkemuka dalam bidang AIDS, Prof Dr David Ho, Pengarah, Aaron Diamond Research Center, New York untuk menyampaikan syarahan bertajuk "AIDS Epidemic and Prospects for Control". Topik ini dipilih berdasarkan perlunya saintis Malaysia mengetahui perkembangan terkini penyelidikan AIDS. Syarahan ini mendapat sambutan yang menggalakkan dengan kehadiran lebih kurang 320 orang.

Under the Dr Ranjeet Bhagwan Singh Memorial Lecture Programme, the Academy invited a renowned scientist on AIDS, Prof Dr David Ho, Director, Aaron Diamond Research Centre, New York to deliver the 3rd Dr Ranjeet Bhagwan Singh Memorial Lecture entitled "AIDS Epidemic and Prospects for Control". This topic was chosen in view of the current need for Malaysian scientists to know the latest developments on AIDS research. The lecture received overwhelming support with the attendance of 320 participants.

Bengkel "Bacteria Cell-to-Cell Communication"

Satu bengkel mengenai "Bacteria Cell-cell Communication" di bawah Program Geran Penyelidikan Perubatan Dr Ranjeet Bhagwan Singh telah diadakan di Unit Biomedical Sciences, Fakulti Perubatan, Universiti Malaya pada 16-20 Oktober 2000. Bengkel tersebut telah dihadir oleh seramai lebih kurang 31 orang peserta dan dikendalikan oleh dua pakar teknikal - Assoc. Prof Kalai Mathee dari Florida International University dan

Workshop on "Bacteria Cell-to-Cell Communication"

A workshop on "Bacteria Cell-cell Communication" under the Dr Ranjeet Bahgwan Singh Medical Research Fund Programme was held at the Biomedical Sciences Unit, Faculty of Medicine, University Malaya from 16th-20th October 2000. The workshop attended by 31 participants was conducted by two technical specialists – Assoc. Prof Kalai Mathee, Florida International



Academician Tan Sri Datuk Dr Omar Abdul Rahman FASc menyampaikan Ucapan Penutup di Bengkel di Universiti Malaya
Academician Tan Sri Datuk Dr Omar Abdul Rahman FASc giving the Closing Remark at the Workshop at University Malaya

Assoc. Prof Dr Zhang Lian Hui dari National University of Singapore. Pelancaran bengkel tersebut telah disempurnakan oleh Dato' Dr Salleh Mohd Nor FASc, Setiausaha Agung Akademi dan penganugerahan sijil serta penutup bengkel disempurnakan oleh Academician Tan Sri Datuk Dr Omar Abdul Rahman FASc, Presiden Akademi Sains Malaysia. Bengkel tersebut merangkumi syarahan dan pengalaman bekerja di makmal secara 'hands-on'. Topik syarahan adalah mengenai 'quorum sensing system'.

Bengkel 'Hydraulic Research and Development in the New Millennium – Implementation of Hydraulic Research'

Satu bengkel mengenai "Hydraulic Research and Development in the New Millennium – Implementation of Hydraulic Research" telah dianjurkan oleh National Hydraulic Research Institute Malaysia (NAHRIM) dari 20-21 November 2000 di Hotel Guoman, Port Dickson. Tan Sri Dato' Ir Shahrizaila Abdullah FASc mewakili Akademi di bengkel tersebut. Objektif bengkel adalah untuk merumuskan dan mengenalpasti kaedah perlaksanaan dan metodologi penyelidikan hidraulik.

University and Assoc. Prof Dr Zhang Lian Hui of National University of Singapore. The opening was done by Dato' Dr Salleh Mohd Nor FASc, Secretary General of the Academy and the presentation of certificates to the participants and closing was done by Academician Tan Sri Datuk Dr Omar Abdul Rahman FASc, President Academy of Sciences Malaysia. The workshop comprises lectures and hands-on laboratory experience. The lecture covered topics on quorum sensing system.

Workshop on "Hydraulic Research and Development in the New Millennium – Implementation of Hydraulic Research"

A workshop on "Hydraulic Research and Development in the New Millennium – Implementation of Hydraulic Research" was organized by the National Hydraulic Research Institute Malaysia (NAHRIM) from 20th-21st November 2000 in Guoman Hotel, Port Dickson. Tan Sri Dato' Ir Shahrizaila Abdullah FASc represented the Academy at the Workshop. The objective of the Workshop is to identify methods of implementation and methodologies of hydraulic research.

Syarahan Umum ASM "Addressing the Global Infectious Disease Threats: Nipah Virus Incidence – What's Next?"

Akademi Sains Malaysia telah menganjurkan satu syarahan umum bertajuk "Addressing the Global Infectious Disease Threats: Nipah Virus Incidence – What's Next?" pada 4 Julai 2000 di Dewan Seminar, Akademi Sains Malaysia. Syarahan tersebut disampaikan oleh Dr Aziz Jamaludin, Pengarah Institut Penyelidikan Veterinar dan Dr Azaibi Tamin, Penyelidik Kanan di Center for Disease Control and Prevention (CDC), Atlanta, USA. Moderator syarahan adalah Prof Dr Koh Chong Lek FASc. Seramai lebih kurang 38 orang menghadiri syarahan tersebut. Syarahan tersebut secara umum membincangkan pelbagai faktor yang bertanggungjawab bagi penularan dan penularan semula penyakit berjangkit dan kesediaan menghadapi cabaran ini diperingkat tempatan, negara dan antarabangsa. Pembinaan keupayaan dan pembanguan sumber tenaga manusia, keperluan instrumentasi dan 'networking' juga dibincangkan secara mendalam berdasarkan keperluan masa kini dan akan datang. Pengemaskinian mengenai sifat molekular virus dan penyelidikan yang sedang dijalankan di CDC dan di beberapa institusi penyelidikan di Malaysia juga dibincangkan.

ASM Public Lecture – "Addressing the Global Infectious Disease Threats: Nipah Virus Incidence – What's Next?"

The Academy hosted a public lecture entitled "Addressing the Global Infectious Disease Threats: Nipah Virus Incidence – What's Next?" on 4th July 2000 at the Seminar Hall, Academy of Sciences Malaysia. The lecture was presented by Dr Aziz Jamaluddin, Director, Veterinary Research Institute and Dr Azaibi Tamin, Senior Researcher, Center for Disease Control and Prevention (CDC), Atlanta, USA. The lecture was moderated by Prof Dr Koh Chong Lek FASc. About 38 people attended the lecture. The lecture discussed various factors responsible for emerging and re-emerging infectious diseases in general and the state of preparedness to address these challenges at local, state and international levels. Capacity building and human resource development, instrumentation and networking were also deliberated at length based on existing and future reqirements. An update on the molecular characterization of the virus and the on-going research at CDC and several research institutions in Malaysia were also discussed.

Bengkel Penulisan Saintifik

Satu Bengkel Penulisan Saintifik yang diadakan di Bangunan Penerbitan, Institut Penyelidikan Minyak Sawit Malaysia (PORIM) dianjurkan bersama oleh PORIM dan Akademi Sains Malaysia. Bengkel selama dua hari itu telah dijayakan oleh tiga Fellow Akademi iaitu Prof Dr Yong Hoi Sen FASc, Prof Dr Looi Lai Meng FASc dan Dr Francis Ng FASc. Bengkel tersebut dianjurkan untuk memberi panduan dan pendedahan kepada penulisan saintifik dan terutamanya untuk memenuni keperluan PORIM untuk menghasilkan penerbitan yang saintifik dan bermutu untuk diterbitkan di Malaysia dan antarabangsa. Seramai lebih kurang 30 peserta menghadiri bengkel tersebut.

Scientific Writing Workshop

The Scientific Writing Workshop which was held at the Publication Building, Palm Oil Research Institute Malaysia (PORIM) was jointly organized by PORIM and the Academy of Sciences Malaysia. The two-day workshop was successfully conducted by three Fellows of the Academy namely Dr Yong Hoi Sen FASc, Prof Dr Looi Lai Meng FASc and Dr Francis Ng FASc. The workshop was organized to provide guidelines and exposure in scientific writing and specifically to cater to the need of PORIM to produce quality papers to be published locally and internationally. About 30 participants attended the workshop.

Program Kesedaran Sains

Science Awareness Programme

Pada tahun 2000 Akademi telah menganjurkan banyak acara menarik di bawah program ini. Acara kemuncak adalah Kuiz Sains Nasional 2000 yang telah menarik penyertaan hampir seribu buah sekolah dari seluruh Malaysia. Akademi juga telah memberi tumpuan kepada usaha-usaha saintifik di Antartika dengan menganjurkan satu pameran mengenai penerokaan sains di Antartika.

In the year 2000 the Academy organized many interesting activities under this programme. The main event was the National Science Quiz 2000 which drew participation from nearly one thousand schools from all over Malaysia. The Academy also highlighted scientific endeavours in Antarctica by holding an exhibition on scientific exploration in Antarctica.

Malaysian Environmental Education Project for Schools (MEEPS)

Satu Bengkel Kebangsaan mengenai Malaysian Environmental Education Projects for Schools (MEEPS) telah diadakan di Akademi Sains Malaysia. Bengkel ini adalah anjuran bersama Akademi Sains Malaysia dan International Plant Genetic Resources Institute (IPGRI) dengan tujuan untuk memulakan satu projek jangka-masa panjang untuk mengumpulkan sumber-sumber dari pelbagai organisasi yang berkaitan dan berkerjasama dengan mereka ke arah satu pendidikan tentang alam sekitar yang lebih baik dan berjaya di sekolah-sekolah.

Woksyop Kebangsaan mengenai MEEPS ini dihadiri seramai lebih kurang 80 peserta termasuk dari Sabah dan Sarawak, mewakili sektor swasta, badan bukan kerajaan dan sektor awam. Bengkel ini dimulakan dengan ucapan alu-aluan oleh Prof Dato' Dr Zakri A. Hamid FASc, Ahli Majlis Akademi dan Dr Percy Sajise, Pengarah Serantau Asia, Pacific dan Oceania, IPGRI. Dr Gan Siowck Lee dari Universiti Putra Malaysia memberi taklimat kepada para peserta mengenai MEEPS dan ini diikuti dengan pembentangan oleh wakil-wakil dari sektor korporat, badan bukan Kerajaan dan awam

Malaysian Environmental Education Project for Schools (MEEPS)

The National Workshop on Malaysian Environmental Education Projects for Schools (MEEPS) was held on 24th February 2000 at the Academy of Sciences Malaysia. This workshop was jointly organized by the Academy of Sciences Malaysia (ASM) and the International Plant Genetic Resources Institute (IPGRI), in the hope to initiate a long-term project to pool the resources of all concerned organizations and work collaboratively with them towards a better and greater success in environmental education in schools.

This national workshop on MEEPS was attended by about 85 participants including those from Sabah and Sarawak, representing the corporate sector, non-governmental organizations and the public sector. The workshop commenced with welcome addresses by Prof Dato' Zakri A. Hamid FASc, Council Member of ASM and Dr Percy Sajise, Regional Director of Asia, the Pacific and Oceania, IPGRI. Dr Gan Siowck Lee from Universiti Putra Malaysia, briefed the participants on MEEPS and this was followed by representatives from the corporate sector, NGOs and Public on their





Dr Gan Siowck Lee dari Universiti Putra Malaysia memberi taklimat kepada peserta mengenai MEEPS

Dr Gan Siowck Lee from Universiti Putra Malaysia briefing the participants of MEEPS

mengenai Program Pendidikan Alam Sekitar mereka. Sesi tengahari ditumpukan kepada perbincangan dalam kumpulan. Bengkel ini adalah bertujuan untuk memupuk kefahaman tentang MEEPS dikalangan mereka yang berkaitan bagi menarik sokongan dan sumbangan.

Menandatangani Memorandum Perjanjian di antara ASM dan UPM

Satu Memorandum Perjanjian telah ditandantangani di antara Akademi Sains Malaysia (ASM) dan Universiti Pertanian Malaysia (UPM) pada 24 Jun 2000. Melalui MOA ini, UPM bersetuju untuk memberikan satu hektar tanahnya di Serdang, Selangor kepada ASM. ASM telah bersetuju supaya Pusat Sumber Sains dan Teknologi Kebangsaan yang dicadangkan dibina di atas tanah ini. UPM diwakili oleh Naib Canselor, Prof Tan Sri Dato' Dr Syed Jalaluddin Syed Salim FASc dan ASM diwakili oleh Presiden Akademi, Academician Tan Sri Datuk Dr Omar Abdul Rahman FASc.

Environmental Education Programmes. The afternoon session of the workshop focused on group discussions. This workshop was intended to foster a better understanding of MEEPS among all relevant parties in order to solicit support and contribution towards it.

Signing of Memorandum of Agreement Between ASM and UPM

A Memorandum of Agreement between the Academy of Sciences Malaysia and Universiti Putra Malaysia was signed on 24th June 2000. Through this MOA, UPM agreed to allocate one hectare of its land to ASM in Serdang, Selangor. The Academy had agreed for the proposed National Science and Technology Resource Centre (NSTRC) to be built on this land. UPM was represented by the Vice Chancellor of the University, Prof Tan Sri Dato' Dr Syed Jalaluddin Syed Salim FASc and ASM was represented by the President of the Academy, Academician Tan Sri Datuk Dr Omar Abdul Rahman FASc.



Academician Tan Sri Datuk Dr Omar Abdul Rahman FASc (Kanan) dan Prof Tan Sri Dato' Dr Syed Jalaluddin Syed Salim FASc (Kiri) menandatangani perjanjian.
Academician Tan Sri Datuk Dr Omar Abdul Rahman FASc (Right) and Tan Sri Dato' Dr Syed Jalaluddin Syed Salim FASc (Left) Signing the agreement

Pameran Mengenai Antartika

Satu pameran mengenai 'Scientific Exploration in Antractica: Exploring the White Continent' telah diadakan di Pusat Sains Negara, Bukit Kiara pada 20-26 November 2000. Pameran itu adalah anjuran bersama Akademi Sains Malaysia, Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar dan Pusat Sains Negara dengan disokong oleh organisasi antarabangsa seperti National Institute for Polar Research (NIPR), Japan International Cooperation Agency (JICA), Australian Antarctic Division dan Antarctica New Zealand.

Objektif pameran tersebut adalah untuk memberi tumpuan kepada aspek saintifik Antartika dan pelbagai usaha manusia menawan benua tersebut. Ia juga bertujuan untuk memberikan kesedaran kepada orang ramai terutamanya mengenai Antartika dan nilai-nilai saintifik yang berkaitan dengannya.

Pameran itu memberi tumpuan kepada 6 tema iaitu:

- Sejarah geologi Antartika
- Penemuan Kutub Selatan
- Flora dan Fauna Antartika
- Usaha Malaysia di Antartika


Exhibition on Antarctica

An exhibition on Scientific Exploration in Antarctica: Exploring the White Continent was held at the National Science Centre, Bukit Kiara from 20th -26th November 2000. It was jointly organized by the Academy of Sciences Malaysia, Ministry of Science, Technology and the Environment and the National Science Centre with the supports from international partners namely the National Institute for Polar Research (NIPR), Japan, Japan International Cooperation Agency (JICA), Australian Antarctic Division and Antarctica New Zealand.

The objective of the exhibition is to highlight the scientific aspects of Antarctica and the various human endeavours to conquer it. It is aimed basically at generating greater public awareness especially on Antarctica and the scientific values associated with it.

The exhibition focused on six thematic areas namely:

- The geological history of Antarctica
- The discovery of the South Pole



Salah satu daripada bahan pameran yang dipamerkan mengenai Antartika
One of the exhibits shown at the exhibition on Antarctica

– Sains di Antartika dan
– Hidup di Antartika

Perasmian pameran diadakan pada hari kedua pameran. Menteri Hal Ehwal Antarabangsa, YB Datuk Seri Syed Hamid Syed Jaafar Albar merasmikan pameran tersebut dan juga mengumumkan inisiatif baru akademi dengan Australian Antarctic Division. Seramai lebih kurang 70 orang jemputan pelawat ke Pusat Sains Negara menghadiri majlis perasmian tersebut.

Pameran itu mendapat sambutan yang agak menggalakkan dari orang ramai walaupun Antartika adalah satu subjek yang agak asing kepada kebanyakan rakyat Malaysia. Melalui pameran tersebut, Akademi telah mengambil inisiatif untuk medokumentasikan sejarah penglibatan Malaysia di Antartika dalam bentuk video mengenai "Malaysian in Antarctica", versi bercetak dan juga gambar. Usaha ini akan diteruskan sehingga semua sumbangan individu diberi penghargaan yang sewajarnya.

Kuiz Sains Nasional 2000

Kuiz Sains Nasional adalah satu acara penting yang bertujuan untuk menggalakkan kesedaran dan kecemerlangan sains dan teknologi di kalangan para pelajar yang berhasrat untuk merebut Piala Pusingan YAB Perdana Menteri. Pertandingan akhir

– The Flora and Fauna of Antarctica
– Malaysian Endeavours in Antarctica
– Science in Antarctica; and
– Living in Antarctica

The opening ceremony was held on the second day of the exhibition. The Minister of Foreign Affairs, YB Datuk Seri Syed Hamid Syed Jaafar Albar launched the exhibition and also announced the new initiative of the Academy with the Australian Antarctic Division. About 70 invitees and visitors to the National Science Centre attended the launching ceremony.

The exhibition received quite a favourable response from the public considering that Antarctica is quite a remote subject to many of the Malaysian public. Through the Exhibition, the Academy has initiated an effort to document the history of Malaysia's involvement in Antarctica in the form of Video on Malaysians in Antarctica, printed version and photographs. This effort will continue and expand until the contributions of all individuals are properly acknowledged.

National Science Quiz 2000

The National Science Quiz is a high profile event with the aim of promoting science awareness and excellence in science and technology among our students and the contestants vying for the Right Honourable Prime Minister's

Kuiz Sains Nasional diadakan di Auditoium Bahagian Teknologi Pendidikan di Bukit Kiara. Ini adalah merupakan Kuiz Sains Nasional yang ke tiga belas. Seramai lebih kurang 350 orang pelajar menghadiri pertandingan akhir tersebut dan di antara orang kenamaan yang hadir adalah Encik Ng Kam Chiu, Ketua Setiausaha Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, His Excellency Harald Bertil Falth, Duta Sweden ke Malaysia, wakil Duta Denmark ke Malaysia dan Encik Lars Asferg, Pengarah Novozyme (M) Sdn Bhd.

Juara Kuiz Sains Nasional 2000 adalah Sekolah Menengah Dato' Ahmad Mahir, Kelantan dan peserta terbaik jatuh kepada Muhamad Aizat bin Che A'zemi dari Sekolah Alam Shah, Wilayah Persekutuan. Pelajar – pelajar tersebut telah melawat Sweden dan Denmark dan juga menghadiri Upacara Penganugerahan Hadiah Nobel.

Penaja utama Kuiz Sains Nasional 2000 ini adalah Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar. Piala Pusingan YAB Perdana Menteri dan lawatan ke Sweden dan Denmark ditaja oleh Novozyme (M) Sdn Bhd. Penglibatan sekolah adalah amat menggalakkan dan semakin meningkat dari tahun ke tahun. Pada tahun ini hampir seribu buah sekolah telah mengambil bahagian dalam Kuiz Sains Nasional.

Challenge Trophy. The finals of the National Science Quiz 2000 were held at the Education Technology Division Auditorium in Bukit Kiara. This was the thirteenth National Science Quiz. Around 350 students attended the finals of the Quiz and among the VIPs present were Mr Ng Kam Chiu, Secretary General of the Ministry of Science, Technology and the Environment, His Excellency Harald Bertil Falth, the Ambassador of Sweden to Malaysia, the representative of the Ambassador of Denmark to Malaysia and Mr Lars Asferg, Director of Novozyme (M) Sdn Bhd.

The champion for the National Science Quiz 2000 was Sekolah Menengah Dato' Ahmad Mahir, Kelantan and the best student award was won by Muhamad Aizat bin Che A'zemi from Sekolah Alam Shah, Wilayah Persekutuan. The students went for a trip to Sweden and Denmark to attend the Nobel Prize Ceremony.

The main sponsors of the National Science Quiz 2000 was the Ministry of Science, Technology and the Environment. The Rt Hon Prime Minister's Challenge Trophy and the prize of the trip to Sweden and Denmark are under the sponsorship of Novozyme (M) Sdn Bhd. The participation from schools has been very encouraging and has significantly increased over the years. This year the National Science Quiz drew participation from nearly one thousand schools.

Satu upacara penyerahan Piala Pusingan Kuiz Sains Nasional yang baru kepada Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, YB Dato' Law Hieng Ding telah diadakan sebelum pertandingan akhir. Satu program lawatan untuk peserta pusingan akhir ke tempat-tempat menarik termasuk organisasi Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) di sekitar Kuala Lumpur dan Selangor telah diadakan pada 29-30 September 2000 dengan tujuan untuk mempromosikan S&T kepada para pelajar. Satu penerbitan khas yang bertajuk "Bersama Malaysia Menjulang Hadiah Nobel" telah diadakan pada 6 Oktober 2000 di Sekolah Alam Shah, Kuala Lumpur. Penerbitan ini adalah bertujuan untuk mempromosikan Kuiz Sains Nasional dan memberi kesedaran sains dikalangan para pelajar dengan satu wawasan seperti aspirasi Malaysia untuk memenangi Hadiah Nobel dalam bidang sains. Sebanyak 1000 naskah buku telah diedarkan disekolah-sekolah di seluruh Malaysia. Akademi merancang untuk menganjurkan Kuiz Sains Nasional diperingkat negeri, kawasan dan kebangsaan pada tahun hadapan.

A ceremony to hand over the new trophy for the National Science Quiz 2000 to the Minister of Science, Technology and the Environment, YB Dato' Law Hieng Ding was held prior to the final of the Quiz. A visit programme was also arranged for the finalists from 29th-30th September 2000, to R&D organizations and facilities in Selangor and Wilayah Persekutuan with an aim to promote S&T among the students. A launch of the Special Publication entitled "Bersama Malaysia Menjulang Hadiah Nobel" was held in Sekolah Alam Shah, Kuala Lumpur on 6th October 2000. The publication aims to promote the National Science Quiz and increase science awareness among students with a greater vision in mind i.e Malaysia's aspiration to win a Nobel Prize in Science. Around 1000 copies of the publication will be distributed to schools around Malaysia. The Academy plans to organize the Quiz at the state, regional and national level next year.



Pemenang Kuiz Sains Nasional 2000 dengan penaja
Winners of the National Science Quiz 2000 with the sponsors

Membantu Meningkatkan Keupayaan Teknologi Industri Malaysia

Assisting in Upgrading Technological Capability in Malaysian Industry

Satu daripada komponen penting dalam ekonomi negara yang memerlukan input sains, kejuruteraan dan teknologi adalah sektor industri. Pada tahun 2000, Akademi dengan kerjasama Japan Science and Technology Corporation (JST) menganjurkan dua forum industri peringkat tinggi.

One important component in the country's economy which needs strong SET input is the industrial sector. In 2000, the Academy, in collaboration with the Japan Science and Technology Corporation (JST) organized two high level industry fora.

Forum ASM-JST 2000 yang Ketiga "Promoting Innovation in Industry: The Critical Aspects of Research Institutions-Industry Interaction"

